

21 OCT 1996

Wartawan-Anugerah

TIADA PEMENANG KAJAI DAN TOKOH WARTAWAN NEGARA

KUALA LUMPUR, 21 Okt (Bernama) -- Tidak ada wartawan yang memenangi Hadiah Kajai, anugerah tertinggi bagi bidang itu di negara ini kali ini.

Hadiah itu menawarkan hadiah wang RM5,000, pingat emas bernilai RM1,000, sijil penghargaan serta tiket penerbangan sumbangan Penerbangan Malaysia (MAS) dan barangan lain oleh Petronas.

Pada malam Kewartawanan Malaysia 1995 yang dihadiri oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini malam ini, panel hakim pemilihan juga mengumumkan tiada pemenang bagi Anugerah Tokoh Wartawan Negara kerana tiada penyertaan.

Tiga orang wartawan dari akhbar Berita Harian (BH) Kamal Ahmad, Ibrahim Muhamed dan Raja Nurfatimah Mohamad memenangi hadiah bagi kategori Bahasa Malaysia yang menawarkan hadiah wang RM3,500, sijil penghargaan dan tiket penerbangan sumbangan MAS.

Kategori Bahasa Inggeris pula dimenangi oleh Joceline Tan dari The New Straits Times (NST) manakala Koh Yoke Moi dari Nanyang Siang Pau memenangi kategori Bahasa Cina dan Rajendran Perumal dari Malaysia Nanban untuk Bahasa Tamil.

Hadiah Kewartawanan Sukan yang menawarkan hadiah wang RM3,000 dan sijil penghargaan dimenangi oleh Ismail Jais (Kumpulan Karangkrak-Arena Bolasepak) bagi kategori Bahasa Malaysia, Mansoor Rahman (NST) bagi Bahasa Inggeris, Kaw Pai Yeow (China Press) bagi Bahasa Cina dan Anbumani Balu (Malaysia Nanban) bagi Bahasa Tamil.

Hadiah pertama bagi kategori Gambar Terbaik yang menawarkan hadiah wang RM2,500, sijil penghargaan, hadiah Petronas dan tiket penerbangan sumbangan MAS dimenangi oleh Azalezah Abdul Malek dari Utusan Melayu.

Tempat kedua dimenangi oleh Lee Kok Weng (The Star) yang menerima wang RM2,000 sumbangan Petronas dan sijil manakala tempat ketiga dimenangi oleh Sundar Marathamuthu (Tamil Nesan) yang menerima wang RM1,000 sumbangan Petronas dan sijil.

Hadiah Kewartawanan Majalah yang menawarkan hadiah wang RM3,000 dan sijil penghargaan dimenangi oleh Noor Zalian Zainal Abidin dan Suraiya Mohd Nor (Majalah Jelita) bagi kategori Bahasa Malaysia, Steven Gan, Selvi Gopal dan Umah Papachan (The Sun Magazine Group) bagi Bahasa Inggeris, Yong Swee Keang (Life Publishers-Majalah Feminine) untuk Bahasa Cina dan Perumal Govindarajoo (Penerbitan Vetri Mayil) untuk Bahasa Tamil.

Shamsudin Mohamad dari RTM pula memenangi hadiah Kewartawanan TV yang menawarkan hadiah wang RM3,000, sijil penghargaan, tiket penerbangan sumbangan MAS dan sebuah plak untuk pertubuhan yang diwakili manakala Megat Al-Imran Yusof dari TV3 pula memenangi hadiah Rencana TV Terbaik yang menawarkan hadiah wang RM3,000, sijil penghargaan serta sebuah plak untuk pertubuhan yang diwakili.

Hadiah Kewartawanan Hiburan pula dimenangi oleh Fauzan Uda Ahmad (Utusan Malaysia) untuk kategori Bahasa Malaysia, Bissme S (The Sun) untuk Bahasa Inggeris, Liou Suek Fang (Nanyang Siang Pau) untuk Bahasa Cina dan Subramaniam Dorasamy (Mingguan Makkal Osai) bagi Bahasa Tamil. Masing-masing menerima wang RM3,000 dan sijil penghargaan.

Hadiah Laporan Ekonomi/Kewangan yang menawarkan hadiah wang RM3,500, sijil penghargaan dan tiket penerbangan sumbangan MAS dimenangi oleh Azizi Othman bagi kategori Bahasa Malaysia, Tengku Fatimah Hashim (Business Times) bagi Bahasa Inggeris, Kaw Pai Yeow (China Press) untuk Bahasa Cina dan Munnisamy Irrision (Tamil Nesan) untuk Bahasa Tamil. -- BERNAMA

RHM MAI